DHRRA MALAYSIA | BUILDING RESILIENT COMMUNITIES

Understanding **STATELESSNESS** in Malaysia

Memahami Isu **TANPA KEWARGANEGARAAN** di Malaysia

Awareness Handbook

Buku Panduan Kesedaran

TABLE OF CONTENTS

3 Foreword

4 Defining stateless persons and other related terms

4 - 8 Categories of statelessness in Malaysia and causes

9 Types of Identification Documents in Malaysia

10 Importance of marriage, birth and death registration

10 - 11 Provisions of nationality law in Malaysia

ISI KANDUNGAN

14 Pengenalan

15 Mentakrif Orang Tanpa Kewarganegaraan dan Istilah-Istilah yang berkaitan

15-19 Kategori Status Tanpa Kewarganegeraan di Malaysia dan Sebab-sebabnya

20 Jenis-jenis Dokumen Pengenalan di Malaysia

21 Kepentingan Pendaftaran Perkahwinan, Kelahiran dan Kematian

21-22 Peruntukan Undang-undang dan Perolehan Kewarganegaraan di Malaysia

Published in January 2019
Diterbitkan pada Januari 2019

Headquarters Address :
Alamat Ibu Pejabat :
DHRRA Malaysia
E301 & E302 BLOCK E,
Kelana Parkview Tower 1,
Jalan SS 6/2,
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

T : +603 7887 3371
+603 7887 7271
F : +603 7887 8311

general@dhrramalaysia.org.my

Photo by / Gambar oleh: Jaganath Raghunathan, 2017

FOREWORD

Development of Human Resources for Rural Areas ***(DHRRA), Malaysia*** *was established to promote strong and self-reliant communities through people's empowerment initiatives. More than a decade implementing community development programmes exposed us to the living conditions of stateless people.*

In mid-2014, DHRRA set out to address statelessness in West Malaysia. Understanding the scale of statelessness, its causes and consequences relies on accurate baseline data. Gathering accurate baseline data on statelessness was the obvious and necessary first step to address the problem itself. Since then, we compiled accurate baseline figures on statelessness in Selangor, Negeri Sembilan, Perak and Kedah through our registration and community based paralegal aid services.



DHRRA gathered a pool of cases on statelessness (more than 12,500) and identified cross-cutting issues causing and preventing the reduction of statelessness. More significantly, we identified the necessary administrative or legal measures required to find a solution for them. In Malaysia most of the statelessness scenarios could be loosely categorised into three types:

1. *Born or arrived before Independence Day / Malaysia Day*
2. *Children with at least one Malaysian parent*
3. *Children adopted through informal adoptions*

In addition to the above categories, there is a small number of cases consisting of abandoned or foundling children.

Ending statelessness requires a higher intensity of collaboration between a wide range of actors including the stateless people themselves. DHRRA's registration and community based legal aid services established the full scope of this problem and will continue to drive for advocacy efforts to find durable solutions for stateless persons in Malaysia. Part of our efforts includes publishing the awareness handbook in two series:

I. Awareness Handbook: Understanding Statelessness in Malaysia
II. Resolution Handbook: Resolving Statelessness in Malaysia

The experience over the last couple of years in Malaysia showed that a lot can be achieved in this area. Through strong cooperation with the Government and stakeholders, DHRRA intends to build on the political will of the Goverment of Malaysia. In reference to the Malaysian Federal Constitution, there are sufficient safeguards to address statelessness, indeed political will and concerted action by governments are key to resolving statelessness.



Saravanan M. Sinapan,
President of DHRRA Malaysia

DEFINING STATELESS PERSONS AND OTHER RELATED TERMS

Undocumented

A person who did not register their birth or their identification information is not recorded by the state registration departments.

Undetermined

A person of undetermined nationality lacks proof of possession of any nationality and either has links to more than one state (on the basis of birth, descent, marriage, or habitual residence) or is perceived and treated by authorities in the state of residence as possessing such links to other states. Situations of undetermined nationality should be of short duration.

High Risk of Statelessness

Persons who are at risk of statelessness are not stateless but may become stateless if certain factors exist. In most cases, several factors come into play before people can be considered being at risk of statelessness. These would include undocumented persons, and living-in-border populations who lack birth registration.

Stateless

Stateless person is someone who is **not considered as a national by any state** under the operation of its law.

CATEGORIES OF STATELESSNESS IN MALAYSIA AND CAUSES

Stateless

- I — Arrived/Born before Independence (31 Aug 1957) or Malaysia Day (16 Sept 1963)
- II — Discriminative Nationality Law
  - (a) Children born out of Legal Wedlock to Malaysian Father
  - (b) Children born to Malaysian Women overseas
- III — Abandoned and Foundling
- IV — Stateless Adopted Children
- V — Mobile and Semi Nomadic Sama Bajau

High risk of statelessness

- VI — Indigeneous (Orang Asli/ Asal)
- VII — Multigenerational Migrants

I. Arrived/Born before Independence (31 Aug 1957) or Malaysia Day (16 Sept 1963)



I was born/arrived before Merdeka (1957) to work in Malaya but despite multiple citizenship application and interviews in NRD I have not gotten my citizenship.

I was born/arrived before Malaysia Day (1963) but despite multiple citizenship application and interviews in NRD I have not gotten my citizenship.

Causes: Insufficient supportive evidence due to displacements of workers from the plantations/estates, low language literacy and petty criminal records from the pre-independence period affects their citizenship application.

II. Discriminatory Nationality Law: (a) Children born out of Legal Wedlock to a Malaysian Father

I had a child with a migrant worker in Malaysia, I could not register my marriage because of her Visa status. She left me and the child, but despite being a Malaysian citizen I cannot pass my citizenship to my child. My daughter is often teased and name called as "born out of wedlock".

My wife is a stateless woman, she was brought up by neighbours when her parents died with no trace of her identification documents. I could not even register our marriage legally and today my children are stateless despite me being Malaysian.

Causes: The Federal Constitution does not allow men to transfer their nationality to their children if the child is born out of a legally recognised marriage. This can result in statelessness where children cannot acquire nationality from their mothers: (i) where the mother is stateless; (ii) where the laws of the mother's country do not permit her to confer nationality in certain circumstances or (iii) where the mother's identity is unknown

II. Discriminatory Nationality Law: (b) Children born to Malaysian Women overseas

I am a Malaysian woman married to a Foreign national, when my daughter was born I approached the Malaysian consulate and was issued with Emergency Malaysian Passport for my daughter to apply for citizenship in Putrajaya. But once at Putrajaya I was asked to apply for citizenship under article **15a** (Citizenship Registration Under Special Circumstances). Shouldn't my child receive my citizenship automatically? I was told if a child is born overseas only Malaysian men can automatically pass on citizenship.

Causes: The Federal Constitution does not allow "legally" married mothers to transfer nationality to their children born outside Malaysia on the same basis as "legally" married fathers. Even though there are discretionary registration provisions under which Malaysian mothers can register the child born abroad as Malaysian citizens, children born in such situations may be stateless or at risk of statelessness if they are unable to acquire the nationality of their father.

III. Abandoned and Foundling Children

I'm an abandoned child and I grew up in a government home. I was Issued with Green IC (MyKAs), which I have to renew every 5 years and I'm unable to apply for citizenship. I can't even apply for Blue IC. Police sometimes says it's a fake card.



Causes: Although Article 19B of the Federal Constitution provides that the child is entitled to citizenship however, there are no administrative guidelines or procedures regarding the implementation of the relevant constitutional provisions in NRD.

IV. Stateless Adopted Children

My parents adopted me,
but did not know the legal
adoption procedures. There is no trace of my
biological parents, so I am considered stateless.
Apart from giving me a new life, my parents are
made to pay the foreigner's fees for my education
and healthcare. They never wanted me to know that
I was adopted but they had to tell me because
I wanted an explanation of why couldn't I have Blue
IC just like my other siblings.

Causes: There is scope in Malaysia's nationality law (via Article 14(b) of the Federal Constitution) for adopted stateless children to acquire the nationality of one of their adoptive parents. However, in practice, adoptive parents face significant barriers in conferring citizenship to their stateless children. As NRD practices discretionary conferral of citizenship under Article 15A for adopted children.

V. Mobile and Semi Nomadic Sama Bajau

Many of us abandoned
traditional marine-based income as a result of
increased security and environmental restrictions
in established fishing
areas. We now live in stilt houses on coastal
areas in Sabah in search of better lives for our
families. With no legal documents to prove our
identity or status our children roam the streets
and remain vulnerable to arrest, abuse and
exploitation.

Causes: Leading Indigenous lifestyles that span across multiple contemporary marine area bordered by the three nations Malaysia, Philippines and Indonesia with historic mobility between international borders, the Sama Bajau continue to face challenges in gaining recognition as citizens of any state due to their mobility

VI. Indigeneous (Orang Asli & Asal)

Many of the indigenous communities in Malaysia live in rural areas. Though NRD has a great initiative with mobile registration, a lot of our members are not documented in time and sometimes face problems in late birth or identity card registration. This can make it difficult for us to access public healthcare or education.

Causes: Indigenous persons living in remote areas face obstacles in accessing urban registration centers due to cost or geographical reasons.

VII. Multigenerational Migrants

Our parents migrated from Indonesia/Philippines but are deceased now, Malaysia is all we know. We were born here and don't have anywhere else to call our homeland

Causes: Children of Filipino or Indonesian descent, whose family members have lived in Sabah for generations. . They are not recognized as citizens of any country, although it is likely that many children in Sabah who are often described as 'stateless' or 'not recognized as citizens of any country' may in fact have a pathway to citizenship of the Philippines or Indonesia, where there are mechanisms for determining their status and legal identity.

TYPES OF IDENTIFICATION DOCUMENTS IN MALAYSIA

	Description	At High Risk of Statelessness or Stateless if fulfills the following condition
	Green: Citizen	Not Applicable
	Red: Not Yet determined **Non Citizen**	Born in Malaysia or born to Malaysian person(s) and not a citizen of any other country. Further, unable to have access to citizenship through either one of the parent.
	JKM-NRD De Facto Adoption **Not Yet determined** **Non Citizen**	

TYPES OF IDENTITY CARDS

	Description	At High Risk of Statelessness or Stateless if fulfills the following condition
	MyKad **(Blue):** **Malaysian Citizen**	Not Applicable
	MyPR **(Red):** Permanent Resident; **Non Citizen**	Born in Malaysia or Born to Malaysian person(s) and not a citizen of any other country. Further, unable to have access to citizenship through either one of the parent.
	MyKas **(Green):** Temporary Resident **Non Citizen**	

IMPORTANCE OF MARRIAGE, BIRTH AND DEATH REGISTRATIONS

Births and Deaths Registration Act 1957 | Marriage & Divorce Act 1976 (only applicable to non-Muslims)

All births, deaths, marriages and divorces concerning Malaysians or taking place in Malaysia needs to be registered

Registrations	Consequences of delayed registration
Birth	Birth not being registered in time will lead to requirement of more documents to be submitted to prove the authenticity. Further complexity may arise if witnesses or parent(s) are deceased.
Death	If a death is not properly registered, there is a risk that the identity documents of the deceased may be misused.
Marriage	Children born out of legal wedlock may face issues in claiming nationality if the biological parent is a foreigner or stateless, and unable to register their marriage prior to the child being born.

PROVISIONS AND ACQUISITION OF NATIONALITY LAW IN MALAYSIA

Acquisition of citizenship	Article – Brief Description Note: Refer Federal Constitution of Malaysia for detailed and complete description
OPERATION OF LAW	**BORN BEFORE MALAYSIA DAY** **Article 14(a)** – A citizen of the Federation before Merdeka Day (per the provisions of the Federation of Malaya Agreement 1948) **BORN ON OR AFTER MALAYSIA DAY** **Article 14(b)** – A person born on or after Malaysia day and has any of the qualifications specified
	Wives and Children of Citizens **Article 15** **Article 15(1) – Wives** At the date of application she was married and her husband was a citizen at the beginning of October 1962 and registered in the Federation **Article 15(2) – Children** At least one parent or guardian is (or was at the time of death) a citizen to be registered. **Article 15(3) – Children** Under age of 21 years, and born before the beginning of October 1962 Father was a citizen at the beginning of that month **Special Power to Register Children** **Article 15(A)** The Federal Government in special circumstances may register a person under the age of 21 as a citizen

Acquisition of citizenship	Article – Brief Description Note: Refer Federal Constitution of Malaysia for detailed and complete description
REGISTRATION	**Born in the Federation before Merdeka Day** Resided in the Federation for at least 5 years within 7 years prior to the application. **Citizenship by Registration** **Article 16A** **Resident in Sabah and Sarawak on Malaysia Day** Resided in the territories contained in the states before Malaysia and after Malysia Day, he resides in the Federation for at least 7 years within 10 years before the date of application. **Article 18** **General Provisions as to Registration** **Article 18(1)** No person over the age 18 years or more may be registered as a citizen under this Constitution until he has taken the oath specified in the First Schedule. **Article 18(2)** Except with the approval of the Federal Government, no person has discharged or has been deprived of his nationality under this Constitution or who has discharged or been deprived of federal or nationality of the Federation before the Merdeka Day under the 1948 Federation of Malaya Agreement as a citizen under this Constitution. **Article 18(3)** Registered as a citizen under this Constitution becomes a citizen by registration starting from the day he is registered so.

PROVISIONS AND ACQUSITION OF NATIONALITY LAW IN MALAYSIA

Acquisition of citizenship	Article – Brief Description Note: Refer Federal Constitution of Malaysia for detailed and complete description
NATURALIZATION	**Citizenship by Naturalization** **Article 19** Has been in the Federation for at least 10 years in 12 years prior to the application.

REFERENCE

DHRRA Malaysia. (2017). *Policy Recommendation in addressing Statelessness in Malaysia.* Retrieved from http://dhrramalaysia.org.my/dhrra-submitted-policy-recommendation-to-government-of-malaysia/

DHRRA Malaysia. (2017). *Resolving Statelessness in Malaysia – Strategic Plan.* Selangor: Author.

Federal Constitution of Malaysia. pt III Citizenship.

National Registration Department. (n.d.) *Citizenship.* Retrieved from http://www.jpn.gov.my/

Open Society Foundations. (2018). *A Community-Based Practitioner's Guide: Documenting Citizenship and Other Forms of Legal Identity.* Retrieved from https://namati.org/resources/community-based- practitioners-guide-documenting-citizenship-legal-identity/

"If Nationality policies and laws are causing stateless persons being born in Malaysia and/or to either one Malaysian parents.

It is the responsiblity of the Government and its policy makers to amend policies and reform law to ensure no child is exluded indeed it is about the "POLITICAL WILL!"

DHRRA Malaysia

DHRRA MALAYSIA | BUILDING RESILIENT COMMUNITIES

Memahami Isu **TANPA KEWARGANEGARAAN** di Malaysia

Buku Panduan Kesedaran

Persatuan Jaringan Pembangunan Masyarakat Luar Bandar, Malaysia (DHRRA) telah ditubuhkan untuk mewujudkan komuniti yang utuh dan berdikari melalui pelbagai inisiatif pembangunan masyarakat. Pengalaman lebih sedekad dalam melaksanakan program pembangunan komuniti telah mendedahkan kami kepada keadaan kehidupan masyarakat tanpa kewarganegaraan.

Pada pertengahan tahun 2014, DHRRA telah memberikan tumpuan untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Memahami skala isu ini, punca dan akibatnya memerlukan data asas yang tepat. Pengumpulan data asas yang tepat mengenai isu tanpa kewarganegaraan merupakan langkah pertama yang wajar dan perlu untuk menangani masalah ini. Justeru itu, kami telah mengumpul angka-angka asas yang tepat mengenai isu tanpa kewarganegaraan di Selangor, Negeri Sembilan, Perak, dan Kedah melalui proses pendaftaran dan perkhidmatan bantuan paralegal berasaskan komuniti setempat.

DHRRA telah mengumpul sejumlah kes tanpa kewarganegaraan (lebih daripada 13,500) dan mengenal pasti isu-isu berlindih yang menjadi punca dan penghalang kepada pengurangan isu tanpa kewarganegaraan. Lebih penting lagi, kami telah mengenal pasti langkah langkah administratif atau perundangan yang diperlukan untuk mencari suatu penyelesaian bagi isu ini.

Kebanyakan senario masyarakat tanpa kewarganegaraan di Malaysia dapat dikategorikan ke dalam tiga jenis:

1. *Dilahirkan atau tiba sebelum Hari Kemerdekaan/Hari Malaysia*
2. *Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu atau bapa yang berwarganegara Malaysia*
3. *Kanak kanak yang dijadikan anak angkat secara tidak rasmi*

Selain kategori di atas, terdapat sebilangan kecil kes yang berkaitan dengan kanak-kanak terbiar atau ditemui.

Mengakhiri isu tanpa kewarganegaraan memerlukan kerjasama yang kukuh di antara semua pihak yang berkepentingan termasuk masyarakat tanpa kewarganegaraan itu sendiri. Pendaftaran dan perkhidmatan bantuan perundangan berasaskan komuniti setempat yang dilakukan oleh DHRRA telah berhasil mewujudkan skop yang menyeluruh tentang masalah ini dan kami akan meneruskan usaha advokasi untuk mencari penyelesaian yang mampan untuk masyarakat tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Penerbitan buku panduan kesedaran dalam dua siri berikut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kami dalam menangani isu ini:

I. Buku Panduan Kesedaran: Memahami Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia
II. Buku Panduan Resolusi: Menyelesaikan Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia

Pengalaman selama beberapa tahun yang lalu di Malaysia menunjukkan banyak yang boleh dicapai dalam menangani isu ini. Melalui kerjasama yang kukuh dengan kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, DHRRA Malaysia berhasrat untuk meningkatkan kesungguhan politik Kerajaan Malaysia untuk menangani isu ini. Perlembagaan Malaysia telah pun memperuntukkan perlindungan yang mencukupi untuk meyelesaikan isu tanpa kewarganegaraan, justeru kesungguhan politik dan usaha bersepadu kerajaan adalah kunci dalam penyelesaian isu tanpa kewarganegaraan di Malaysia.

Saravanan M. Sinapan,
Presiden DHRRA Malaysia

MENTAKRIF ORANG TANPA KEWARGANEGARAAN DAN ISTILAH-ISTILAH YANG BERKAITAN

Tidak Berdokumen

Seseorang yang tidak mendaftarkan kelahiran mereka atau maklumat pengenalan mereka tidak dicatat oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

Orang yang berisiko menghadapi status tanpa kewarganegaraan adalah bukan tidak bernegara tetapi boleh menjadi tidak bernegara jika faktor-faktor tertentu wujud. Dalam kebanyakan kes, beberapa faktor akan berperanan sebelum seseorang boleh dianggap sebagai berisiko menghadapi status tanpa kewarganegaraan. Ini termasuk orang yang tidak berdokumen, dan mereka yang tinggal di kawasan sempadan yang tidak mendaftarkan kelahiran mereka.

Risiko Tinggi Status Tanpa Kewarganegaraan

Tidak dapat Ditentukan

Seseorang yang kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan tidak mempunyai bukti kepemilikan mana-mana kewarganegaraan dan sama ada mempunyai hubungan dengan lebih daripada satu negeri (berdasarkan kelahiran, keturunan, perkahwinan, atau kediaman biasa) atau dianggap dan diterima oleh pihak berkuasa dalam negeri tempat tinggal seakan mempunyai kaitan sedemikian dengan negeri-negeri lain. Keadaan kewarganegaraan yang tidak dapat ditentukan mestilah wujud untuk tempoh yang singkat sahaja.

Orang tanpa kewarganegaraan ialah seseorang yang tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara di bawah penguatkuasaan undang-undangnya.

Tanpa Kewarganegaraan

KATEGORI STATUS TANPA KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA DAN SEBAB-SEBABNYA

Tanpa Kewarganegaraan

I. Tiba/Dilahirkan sebelum Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1957) atau Hari Malaysia (16 Sept 1963)

II. Undang-undang Kewarganegaraan Diskriminatif
a) Kanak-kanak yang dilahirkan daripada perkahwinan tidak sah kepada bapa berwarganegara Malaysia
b) Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia

III. Kanak-kanak terabai dan ditemui

IV. Kanak-kanak bukan warganegara yang diambil sebagai anak angkat

V. Nomad atau Semi Nomad Sama Bajau

Risiko Tinggi Tanpa Kewarganegaraan

VI. Orang Asli/Asal

VII. Migran Pelbagai Generasi

I. Tiba / Dilahirkan sebelum Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1957) atau Hari Malaysia (16 Sept 1963)

Saya dilahirkan / tiba sebelum Merdeka (1957)untuk bekerja di Malaya, tetapi walaupun setelah banyak permohonan kewarganegaraan dan temuduga di JPN, saya masih tidak memperoleh status kewarganegaraan.

Saya dilahirkan / tiba sebelum Hari Malaysia (1963), tetapi walaupun setelah banyak permohonan kewarganegaraan dan temuduga di JPN, saya masih tidak memperoleh kewarganegaraan saya.

Sebab: Bukti yang tidak mencukupi untuk menyokong permohonan kewarganegaraan disebabkan oleh pemindahan pekerja dari ladang/estet, tahap penguasaan bahasa yang rendah dan rekod jenayah kecil dari tempoh pra-kemerdekaan yang telah menjejaskan permohonan kewarganegaraan mereka.

II. Undang-undang Kewarganegaraan Diskriminatif: (a) Kanak-kanak yang dilahirkan daripada Perkahwinan Sah kepada bapa berwarganegara Malaysia

Saya mempunyai anak dengan seorang pekerja asing di Malaysia, saya tidak dapat mendaftarkan perkahwinan saya disebabkan status Visanya. Dia meninggalkan saya dan anak saya, tetapi walaupun saya seorang warganegara Malaysia, saya tidak boleh memindahkan kewarganegaraan saya kepada anak saya. Anak perempuan saya sering diejek dan digelar sebagai "anak luar nikah".

Isteri saya berstatus bukan warganegara. Dia dibesarkan oleh jiran-jirannya setelah ibu bapanya meninggal tanpa dapat mengesan dokumen pengenalannya. Saya tidak dapat mendaftarkan perkahwinan kami secara sah dan kini anak-anak saya berstatus bukan warganegara, walaupun saya adalah seorang warganegara Malaysia.

Sebab: Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan lelaki memindahkan kewarganegaraan mereka kepada anak-anak mereka jika anak- anak mereka dilahirkan daripada perkahwinan yang tidak sah. Perkara ini boleh mewujudkan status tanpa kewarganegaraan, jika anak-anak mereka tidak dapat memperoleh kewarganegaraan daripada ibu mereka akibat (i) ibu itu berstatus bukan warganegara; (ii) undang-undang negara asal ibu itu tidak membenarkannya untuk memindahkan kewarganegaraan dalam keadaan tertentu atau (iii) identiti ibu itu tidak diketahui.

II. Undang-undang Kewarganegaraan Diskriminatif: (b) Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh Wanita warganegara Malaysia

Saya seorang wanita warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan seorang warganegara asing. Ketika anak perempuan saya dilahirkan, saya telah ke konsulat Malaysia dan dikeluarkan Pasport Kecemasan Malaysia untuk membolehkan anak saya membuat permohonan kewarganegaraan di Putrajaya. Tetapi setelah sampai ke Putrajaya saya diminta memohon kewarganegaraan di bawah Artikel 15a (Pendaftaran Kewarganegaraan Di Bawah Keadaan Khas). Bukankah seharusnya anak saya menerima kewarganegaraan saya secara automatik? Saya diberitahu sekiranya seorang kanak-kanak dilahirkan di luar negara, hanya lelaki warganegara Malaysia yang boleh memindahkan kewarganegaraan secara automatik .

Sebab: Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan ibu yang berkahwin "secara sah" untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar Malaysia pada asas yang sama seperti bapa yang berkahwin "secara sah". Walaupun terdapat peruntukan pendaftaran atas budi bicara di mana ibu Malaysia boleh mendaftarkan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara sebagai warganegara Malaysia, kanak-kanak yang dilahirkan dalam keadaan seperti ini mungkin bertaraf tanpa kewarganegaraan atau berisiko mendapat status bukan warganegara jika mereka tidak dapat memperoleh kewarganegaraan bapa mereka.

III. Kanak-kanak Terbiar dan Ditemui

Saya seorang kanak-kanak terbiar atau ditinggalkan dan dibesarkan di rumah kebajikan Kerajaan. Saya telah dikeluarkan Kad Pengenalan Hijau (IC Hijau) yang juga dikenali sebagai Kad Pengenalan pemastautin Sementara (MyKAS), yang perlu saya perbaharui setiap 5 tahun dan saya tidak boleh memohon kewarganegaraan. Saya tidak boleh memohon Kad Pengenalan Malaysia(IC Biru). Kadang-kadang pihak polis mengatakan ia adalah kad palsu.

Sebab: Walaupun Perkara 19B Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa kanak-kanak itu berhak untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan, namun tidak terdapat garis panduan atau prosedur pentadbiran mengenai pelaksanaan peruntukan perlembagaan yang berkaitan di JPN

IV. Kanak-kanak Tanpa Kewargenegaraan yang diambil sebagai Anak Angkat

Ibu bapa saya mengambil saya sebagai anak angkat, tetapi tidak tahu prosedur undang-undang pengambilan anak angkat. Tiada jejak ibu bapa kandung saya, jadi saya dianggap sebagai berstatus bukan warganegara. Selain memberi saya kehidupan baharu, ibu bapa saya terpaksa membayar bayaran warga asing bagi pendidikan dan penjagaan kesihatan saya. Mereka tidak pernah ingin saya ketahui bahawa saya adalah anak angkat, **tetapi mereka terpaksa memberitahu saya** kerana saya inginkan penjelasan mengapa saya tidak boleh memiliki IC Biru seperti adik-beradik saya yang lain.

Sebab: Terdapat skop dalam undang-undang kewarganegaraan Malaysia (melalui Artikel 14 (b) dalam Perlembagaan Persekutuan) untuk anak angkat yang berstatus tanpa kewarganegaraan untuk memperoleh kewarganegaraan daripada salah seorang daripada ibu atau bapa angkat mereka. Walau bagaimanapun, secara praktis, ibu bapa angkat menghadapi halangan yang ketara dalam pemberian kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang berstatus tanpa kewarganegaraan, memandangkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengamalkan pertimbangan atas budi bicara untuk memberikan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A untuk anak angkat.

V. Nomad dan Semi Nomad Sama Bajau

Ramai di antara kami yang telah meninggalkan pendapatan marin secara tradisional akibat peningkatan sekatan keselamatan dan alam sekitar di kawasan penangkapan ikan tetap kami. Kami kini tinggal di rumah-rumah panggung di kawasan pesisir di Sabah untuk mencari kehidupan yang lebih baik untuk keluarga kami. Dengan tidak mempunyai dokumen yang sah **untuk membuktikan** identiti atau status kami, anak-anak kami berkeliaran di jalanan dan kekal terdedah kepada risiko penangkapan, penderaan, dan eksploitasi.

Sebab: Gaya hidup asal yang merangkumi pelbagai kawasan marin semasa disempadani oleh tiga negara; Malaysia, Filipina dan Indonesia. Dengan sejarah pergerakan di antara sempadan antarabangsa, masyarakat Sama Bajau berterusan menghadapi cabaran dalam memperoleh pengiktirafan sebagai warganegara dari mana-mana negara disebabkan oleh pergerakan mereka.

Kebanyakan masyarakat orang Asli/Asal di Malaysia tinggal di kawasan luar bandar. Walaupun JPN mempunyai inisiatif yang sangat baik melalui pelancaran pendaftaran bergerak, ramai di antara kami tidak mendapatkan dokumen pada waktunya dan kadang-kadang menghadapi masalah dalam pendaftaran lewat sijil kelahiran lewat atau kad pengenalan. Perkara ini boleh menyukarkan kami mengakses khidmat penjagaan kesihatan atau pendidikan awam.

Sebab: Orang Asli/Asal yang tinggal di kawasan terpencil menghadapi cabaran dalam mengakses pusat pendaftaran di bandar disebabkan oleh kos pembiayaan atau faktor geografi.

Ibu bapa kami berpindah dari Indonesia/Filipina tetapi kini sudah meninggal dunia. Malaysia sahaja yang kami semua tahu. Kami dilahirkan di sini dan tidak mempunyai tempat lain lagi untuk dipanggil sebagai tanah air.

Sebab: Anak-anak dari Filipina atau berketurunan Indonesia, dimana ahli keluarga mereka tinggal di Sabah selama beberapa generasi. Mereka tidak diiktiraf sebagai warganegara dari mana-mana negara, Walaubagaimanapun kebanyakan kanak-kanak di Sabah yang sering digambarkan sebagai 'tanpa kewarganegaraan' atau 'tidak diiktiraf sebagai warganegara dari mana-mana negara', mungkin mempunyai jalan untuk memperoleh kewarganegaraan di Filipina atau Indonesia, di mana terdapat mekanisme untuk menentukan status dan identiti mereka yang sah.

JENIS-JENIS DOKUMEN PENGENALAN DI MALAYSIA

	Penerangan / status	Berisiko Tinggi Tanpa Kewarganegaraan atau Berstatus Tanpa Kewarganegaraan jika memenuhi syarat berikut
	Hijau: Warganegara	Tidak Berkenaan
	Merah: Belum Ditentukan **Bukan Warganegara**	Dilahirkan di Malaysia atau Dilahirkan kepada warganegara Malaysia dan bukan merupakan warganegara dari mana-mana negara lain, Selanjutnya, tidak dapat mengakses kewarganegaraan melalui salah seorang daripada ibu atau bapa.
	JKM-JPN De Facto Adoption (Pendaftaran Anak Angkat secara De Facto JKM-JPN) **Belum ditentukan, Bukan Warganegara**	

JENIS KAD PENGENALAN

	Penerangan	Berisiko Tinggi Tanpa Kewarganegaraan atau Berstatus Tanpa Kewarganegaraan jika memenuhi syarat berikut
	MyKad **(Biru):** **Warganegara**	Tidak Berkenaan
	MyPR **(Merah):** Penduduk Tetap **Bukan Warganegara**	Dilahirkan di Malaysia atau Dilahirkan kepada warganegara Malaysia dan bukan merupakan warganegara dari mana-mana negara lain, Selanjutnya, tidak dapat mengakses kewarganegaraan melalui salah seorang daripada ibu atau bapa.
	MyKas **(Hijau):** Pemastautin Sementara **Bukan Warganegara**	

KEPENTINGAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN, KELAHIRAN DAN KEMATIAN

Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 | Akta Perkahwinan & Perceraian 1976 (hanya terpakai kepada orang bukan Islam)

Semua kelahiran, kematian, perkahwinan dan perceraian berkaitan rakyat Malaysia atau berlaku di Malaysia perlu didaftarkan

Pendaftaran	Akibat pendaftaran lewat
Kelahiran	Kelahiran yang tidak didaftarkan pada waktunya akan membawa pada persyaratan dokumen yang lebih banyak untuk diserahkan untuk membuktikan kesahihannya. Kerumitan lanjut mungkin akan timbul sekiranya saksi atau ibu bapa sudah meninggal dunia.
Kematian	Jika kematian tidak didaftarkan dengan betul, akan ada risiko kemungkinan dokumen pengenalan si mati disalahgunakan.
Perkahwinan	Kanak-kanak yang dilahirkan dari perkahwinan yang tidak sah mungkin menghadapi masalah dalam menuntut kewarganegaraan jika ibu bapa kandung adalah warga asing atau tidak bernegara, dan tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum anak dilahirkan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PEROLEHAN KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA

Perolehan Kewarganegaraan	Perkara - Penerangan Ringkas Nota: Rujuk Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk penerangan yang terperinci dan lengkap
OPERASI UNDANG-UNDANG	**LAHIR SEBELUM HARI MALAYSIA** **Perkara 14 (a)** Seorang warganegara Persekutuan sebelum Hari Merdeka (mengikut peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu – 1948) **LAHIR PADA ATAU SELEPAS HARI MALAYSIA** **Perkara 14 (b)** Seseorang yang dilahirkan pada atau selepas Hari Malaysia dan mempunyai kelayakan yang dinyatakan.
	Isteri dan anak-anak kepada warganegara **Perkara 15** **Perkara 15 (1) - Isteri** Pada tarikh permohonan itu dia telah berkahwin dan suaminya adalah seorang warganegara pada permulaan bulan Oktober 1962 dan didaftarkan dalam Persekutuan. **Perkara 15 (2) - Kanak-kanak** Sekurang-kurangnya seorang ibu bapa atau penjaga adalah (atau pada masa kematian) seorang warganegara yang akan didaftarkan. **Perkara 15 (3) - Kanak-kanak** Di bawah umur 21 tahun, dan dilahirkan sebelum permulaan bulan Oktober 1962 Bapa adalah warganegara pada permulaan bulan tersebut **Kuasa Khas untuk Mendaftarkan Kanak-Kanak** **Perkara 15 (A)** Kerajaan Persekutuan dalam keadaan tertentu boleh mendaftarkan seseorang di bawah umur 21 tahun sebagai warganegara.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PEROLEHAN KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA

Perolehan kewarganegaraan	Perkara - Penerangan Ringkas Nota: Rujuk Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk penerangan yang terperinci dan lengkap
PENDAFTARAN	**Lahir dalam Persekutuan sebelum Hari Merdeka** Bermastautin di Persekutuan sekurang-kurangnya 5 tahun dalam tempoh 7 tahun sebelum permohonan. **Kewarganegaraan melalui Pendaftaran** **Perkara 16A** **Penduduk di Sabah dan Sarawak pada Hari Malaysia** Bermastautin di wilayah-wilayah di di negeri-negeri sebelum Malaysia dan selepas Hari Malysia, dia tinggal dalam Persekutuan sekurang-kurangnya 7 tahun dalam tempoh 10 tahun sebelum tarikh permohonan. **Perkara 18** **Peruntukan Am Pendaftaran** **Perkara 18 (1)** Tiada seseorang pun yang berumur di atas 18 tahun atau lebih yang boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini sehinggalah dia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. **Perkara 18 (2)** Kecuali dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan, tiada seseorang pun yang telah melepaskan atau yang telah dilucutkan kewarganegaraannya di bawah Perlembagaan ini atau yang telah melepaskan atau yang telah dilucutkan kewarganegaraan persekutuan atau kewarganegaraan bagi Persekutuan sebelum Hari Merdeka di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 boleh didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini. **Perkara 18 (3)** Seseorang yang didaftarkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan ini menjadi warganegara melalui pendaftaran mulai dari hari dia didaftarkan sedemikian.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PEROLEHAN KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA

Perolehan Kewarganegaraan	Perkara - Penerangan Ringkas Nota: Rujuk Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk penerangan yang terperinci dan lengkap
NATURALISASI	**Kewarganegaraan Melalui Penaturalisasian** **Perkara 19** Telah bermastautin di Persekutuan sekurang-kurangnya 10 tahun dalam tempoh 12 tahun sebelum permohonan.

RUJUKAN

DHRRA Malaysia. *(2017). Cadangan Polisi dalam mengatasi Isu Kewarganegaraan di Malaysia.* Boleh dilayari di laman web berikut: http://dhrramalaysia.org.my/dhrra-submitted-policy-recommendation-to-government-of-malaysia/

DHRRA Malaysia. *(2017). Menyelesaikan Isu Kewarganegaraan di Malaysia - Pelan Strategik. Selangor:* Pengarang.

Jabatan Pendaftaran Negara. (t.t) *Kewarganegaraan.* Boleh dicapai di laman web berikut : http://www.jpn.gov.my/

Perlembagaan Persekutuan Malaysia. bhg III Kewarganegaraan.

Yayasan Open Society Masyarakat Terbuka. (2018). *Panduan Pengamal Berasaskan Komuniti: Mendokumenkan Kewarganegaraan dan Lain-lain Borang Identiti Undang-undang.* Boleh dilayari di laman web berikut : https://namati.org/resources/community- based-practitioners-guide-documenting-citizenship-legal-identity/



Photo by / Gambar oleh: Jaganath Raghunathan, 2017

"Sekiranya dasar dan undang-undang kewarganegaraan boleh menyebabkan orang yang dilahirkan di Malaysia dan/atau kepada salah seorang daripada ibu bapa yang berwarganegara Malaysia menjadi orang tanpa kewarganegaran, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan penggubal dasarnya untuk meminda dasar dan memperbaharui undang-undang untuk mempastikan tiada kanak-kanak yang dikecualikan, sesungguhnya ia adalah tentang ***KESUNGGUHAN POLITIK"***

- DHRRA Malaysia

DHRRA MALAYSIA

Building Resilient Communities
Membina Komuniti Yang Resilien

#EndStatelessness

www.facebook.com/pg/DHRRA/
www.instagram.com/dhrramalaysia/
www.dhrramalaysia.org.my/

Disclaimer:
"DHRRA Malaysia" assumes no responsibility or liability for any errors or omissions in the content of the awareness and resolution handbook. The handbooks are designed for educational, awareness and advocacy purposes only, based on mapping and registration of stateless persons project conducted in Malaysia.While we try to keep the information up-to-date and correct, there are no representations or warranties, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the information, products, services, or related graphics contained in this handbook for any purpose. Any use of this information is at your own risk.

Penafian:
"DHRRA Malaysia" tidak bertanggungjawab atau berkewajiban atas sebarang kesilapan atau butiran yang tidak dimasukkan dalam kandungan buku panduan kesedaran dan resolusi ini. Buku panduan ini direka untuk tujuan pendidikan, kesedaran dan advokasi sahaja, berdasarkan pada pemetaan dan projek pendaftaran orang tanpa kewarganegaraan yang dibuat di Malaysia. Walaupun kami cuba mengekalkan penggunaan maklumat yang terkini dan betul, tiada pernyataan atau jaminan, tersurat mahupun yang tersirat, mengenai kesempurnaan, ketepatan, kebolehpercayaan, kesesuaian atau kesediaadaan berkenaan dengan maklumat, produk, perkhidmatan, atau grafik yang terkandung dalam buku panduan ini untuk apa-apa tujuan pun. Sebarang penggunaan maklumat ini adalah tanggungjawab anda sendiri.